

**Siaran Media Bersama
Untuk Siaran Segera**

AEON Bank dan Zurich Malaysia Perkenal Perlindungan Takaful Pada Caruman yang Berpatutan Serendah RM5 Sebulan

Mendemokrasikan Takaful untuk Rakyat Malaysia dengan Akses Menerusi Aplikasi AEON Bank



**ERA BAHARU
PERLINDUNGAN**
Melangkah jauh dengan keyakinan

Perindungan sehingga
RM80,000

Personal Accident Takaful
Sumbangan bulanan
Serendah RM5

Term Takaful
Sumbangan bulanan
Serendah RM18

6 bulan
perlindungan PERCUMA
bagi pelan RM50,000
untuk pelanggan baharu
AEON Bank

Dapatkan sehingga
600 AEON Points


KUALA LUMPUR, 25 November 2025 – Dalam era perbankan digital; aspek kebolehcapaian, pengalaman pengguna yang mudah, keselamatan serta manfaat yang bernilai pastinya menjadi faktor utama bagi pelanggan. Selaras dengan itu, AEON Bank (M) Berhad — bank digital Islamik pertama di Malaysia terus memperkukuh kerjasama strategik bersama Zurich Malaysia melalui sayap Takaful keluarga, Zurich Takaful Malaysia Berhad (ZTMB), dan Takaful am, Zurich General Takaful Malaysia Berhad (ZGTMB), dengan mengintegrasikan perlindungan Takaful pada caruman yang berpatutan melalui kemudahan perbankan digital.

Ini merupakan kesinambungan kerjasama tiga pihak antara Zurich Malaysia dan AEON Bank yang bermula pada Mei 2024. Usaha ini mencerminkan visi bersama untuk memenuhi permintaan pengguna era moden terhadap keselamatan dan kemudahan, dengan matlamat untuk menawarkan perlindungan Takaful patuh Syariah pada caruman yang berpatutan dan mudah diakses secara digital melalui aplikasi AEON Bank.

Perlindungan Takaful di Hujung Jari

AEON Bank dan Zurich Takaful bekerjasama untuk menawarkan nilai dan manfaat terbaik melalui dua produk utama – **‘Personal Accident Takaful’** dan **‘Term Takaful’**, kedua-duanya kini boleh diakses dengan mudah melalui aplikasi AEON Bank mulai 29 Oktober 2025.

Kedua-dua pelan ini menawarkan perlindungan yang inklusif pada caruman yang berpatutan, direka untuk memenuhi keperluan pengguna yang ingin mendapatkan perlindungan Takaful untuk diri dan keluarga, selaras dengan gaya hidup individu, iaitu serendah RM5 sebulan bagi pelan **‘Personal Accident Takaful’** dan RM18 sebulan bagi pelan **‘Term Takaful’**.



Berucap semasa aktiviti khas bersama media **‘A New Era of Protection’** yang dianjurkan oleh AEON Bank dan Zurich Takaful pada 25 November 2025, Ketua Pegawai Eksekutif AEON Bank, YM Raja Datin Paduka Teh Maimunah Raja Abdul Aziz menjelaskan nilai proposisi tersebut, “Teknologi dan pendigitalan pantas mengubah cara hidup kita, serta cara kita berhubung dan melindungi orang tersayang. Kerjasama kami dengan Zurich Takaful merupakan lanjutan terhadap komitmen AEON Bank untuk menyediakan perlindungan Takaful patuh Syariah pada caruman yang berpatutan, diintegrasikan secara lancar dalam ekosistem digital. Para pelanggan kami sudah biasa menggunakan aplikasi AEON Bank setiap hari untuk pembayaran digital, serta mengurus belanjawan dan kewangan mereka. Justeru itu, kini mereka juga boleh memilih pelan

Takaful yang sesuai untuk melindungi diri serta keluarga dengan amat mudah melalui aplikasi yang sama. Matlamat kami adalah untuk menawarkan produk yang tepat bagi membolehkan pelanggan menjalani kehidupan dengan penuh bermakna lantaran keyakinan bahawa diri dan keluarga mereka dilindungi oleh pelan Takaful yang lengkap.”



Kapsyen: Wakil media dan pempengaruh sempena acara ‘The New Era of Protection’ pada 25 November 2025.

Dalam ucapannya semasa sesi bersama media, Ketua Pegawai Eksekutif Zurich Malaysia, Junior Cho berkata “Kerjasama ini menggabungkan inovasi digital AEON Bank, kepakaran perlindungan global Zurich dan penawaran Zurich Edge dalam menyediakan akses yang lebih mudah bagi rakyat Malaysia mendapatkan perlindungan Takaful dengan cara yang baharu. Dengan lebih 150 tahun pengalaman di peringkat global, Zurich telah meraih kepercayaan jutaan pelanggan di seluruh dunia dengan menyediakan penyelesaian perlindungan yang boleh dipercayai dan berinovasi. Matlamat kami adalah untuk menawarkan perlindungan beretika dan inklusif yang dapat diakses oleh semua, dengan memastikan ia mudah untuk disertai, senang difahami dan selari dengan gaya hidup masa kini. Ini merupakan kesinambungan penawaran penyelesaian mikro-Takaful yang memenuhi keperluan individu dan keluarga di seluruh negara, sekali gus membantu membina masa depan yang lebih cerah untuk semua.”

Kedua-dua pelan perlindungan '**Personal Accident Takaful**' dan '**Term Takaful**' adalah 100% patuh Syariah dan boleh diakses 24/7 melalui aplikasi AEON Bank, membolehkan pelanggan mengurus perlindungan mereka pada bila-bila masa dan di mana sahaja menerusi telefon pintar. Pendekatan ini melenyapkan halangan untuk mendapatkan perlindungan dengan menawarkan nilai terbaik dan pengalaman pengguna yang sepenuhnya digital. Ditawarkan kepada rakyat Malaysia berumur 18 hingga 59 tahun, keseluruhan proses dari pemilihan pelan perlindungan sehingga pendaftaran telah direka untuk menjadi pantas dan mudah, hanya beberapa minit untuk diselesaikan sepenuhnya menerusi aplikasi AEON Bank.

- **Personal Accident Takaful:** Ditawarkan serendah RM5 sebulan, menjadikannya mudah diakses oleh semua lapisan pengguna. Ia menyediakan perlindungan sekiranya berlaku hilang upaya kekal menyeluruh atau kematian akibat kemalangan, dengan pilihan jumlah perlindungan sehingga RM50,000 atau RM80,000.
- **Term Takaful:** Ditawarkan serendah RM18 sebulan, menyediakan perlindungan yang lebih menyeluruh, merangkumi kematian atau hilang upaya kekal menyeluruh akibat semua sebab (semulajadi atau kemalangan). Ia turut termasuk perbelanjaan pengebumian dan manfaat elaun harian hospital, dengan pilihan jumlah dilindungi sehingga RM50,000 atau RM80,000.

Kaedah Ringkas dan Mudah untuk Mengaktifkan Perlindungan Takaful Anda melalui Aplikasi AEON Bank

- Langkah 1: Muat turun aplikasi AEON Bank dari App Store atau Google Play dan lengkapkan pendaftaran anda.
- Langkah 2: Pada skrin Utama aplikasi, klik pada ikon "Takaful".
- Langkah 3: Klik pelan '**Personal Accident Takaful**' atau '**Term Takaful**' untuk melihat butiran perlindungan, manfaat serta caruman pilihan.
- Langkah 4: Klik "Sahkan" dan teruskan dengan proses pembayaran langganan untuk mengaktifkan perlindungan Takaful yang anda pilih.
- Langkah 5: Setelah membuat pilihan, anda boleh melihat sijil Takaful anda, memantau perlindungan serta mengurus pembayaran bulanan.

Yang paling utama, pelan Takaful anda boleh diakses dengan mudah melalui aplikasi AEON Bank, sekaligus memastikan perlindungan sentiasa dalam capaian anda. Pada masa akan datang, AEON Bank dan Zurich Malaysia akan terus membangunkan produk mikro-Takaful yang inklusif dan perlindungan Takaful yang menyeluruh, dengan penawaran praktikal yang seiring dengan gaya hidup rakyat Malaysia yang serba pantas dalam era digital.

Klik pada pautan [\[ini\]](#) untuk menonton video, layari laman sesawang AEON Bank di <https://aeonbank.com.my/>, dan muat turun aplikasi dengan mengimbas kod QR di bawah.



Tamat

Mengenai AEON Bank (M) Berhad

AEON Bank (M) Berhad merupakan bank digital Islamik pertama di Malaysia yang dilesenkan dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia dan Kementerian Kewangan. Ia telah dilancarkan secara rasmi pada 26 Mei 2024, dan kini menawarkan pelbagai produk dan servis patuh Syariah untuk Perbankan Peribadi dan Perbankan Perniagaan (AEON Bank Biz).

Perkhidmatan dan produk Perbankan Peribadi kami boleh diakses 100% secara dalam talian melalui AEON Bank app, antaranya Akaun Simpanan-i, AEON Bank x Visa Debit Card-i, Pembiayaan Peribadi-i, Deposit Bertempoh-i, Savings Pot, DuitNow QR, pembayaran bil utiliti, pengurusan kewangan peribadi dan fungsian bajet dengan Neko Sensei, serta pelbagai servis bayaran digital dengan kerjasama rakan niaga strategik, di samping Neko Missions - program ganjaran interaktif perbankan digital yang pertama di Malaysia.

Pada 8 Ogos 2025, AEON Bank Biz diperkenalkan dengan fungsian utama seperti Akaun Semasa Bisnes-i dan keupayaan pengurusan tunai bersepadu. Dalam fasa awal, pendaftaran difokuskan untuk rangkaian vendor AEON Credit Services Malaysia (ACSM) dan para pembekal yang beroperasi dalam ekosistem AEON. Pendekatan bersasar tersebut bertujuan untuk mewujudkan rantai nilai bersepadu yang menghubungkan ekosistem runcit dan kewangan AEON, lantas menggalakkan pertumbuhan strategik dan keterangkuman yang lebih dinamik. Dalam masa terdekat, AEON Bank Biz bakal mengalu-alukan lebih banyak usahawan dan pelbagai bentuk perniagaan di Malaysia untuk mengoptimumkan produk dan servis perbankan digital patuh Syariah. Komited dalam menyokong segmen perniagaan, AEON Bank Biz mampu menyelaraskan proses yang biasanya rumit seperti pembukaan akaun, semakan kredit dan perkhidmatan kewangan dengan mengoptimumkan perincian teknologi kewangan kecerdasan buatan (AI). Ini membolehkan prosedur perbankan yang lebih ringkas, kelulusan pantas dan pengalaman pengguna yang lebih lancar bagi pemilik perniagaan dan usahawan.

Sebagai sebahagian daripada konglomerat AEON Group, AEON Bank (M) Berhad merupakan pegangan saksama AEON Financial Service Co. Ltd. (AFS Japan) dan AEON Credit Service (M) Berhad (ACSM). AFS Japan merupakan kumpulan kewangan yang komprehensif dengan akar umbi dalam sektor peruncitan yang telah lama beroperasi di negara Jepun, serta 10 negara di rantau Asia, dan ia bertanggungjawab terhadap perniagaan perkhidmatan kewangan kumpulan AEON (AEON Group). Manakala, Kumpulan AEON merupakan syarikat induk tulen yang meliputi lapan segmen perniagaan utama.

Kumpulan AEON Malaysia terdiri daripada beberapa entiti terkemuka iaitu, AEON Co. (M) Bhd, AEON BiG (M) Sdn Bhd, AEON Fantasy (M) Sdn Bhd, AEON Credit Service (M) Berhad, AEON TopValu (M) Sdn Bhd, AEON Global Supply Chain Sdn Bhd, AEON Delight (M) Sdn Bhd dan Yayasan AEON Malaysia.

AEON Group adalah jenama isi rumah yang dikenali di Malaysia, dengan sejarah selama lebih empat dekad di Malaysia serta lebih 200 tahun di negara Jepun, dan kini menawarkan perkhidmatan kewangan dan pelbagai kemudahan peruncitan kepada para pelanggan.

Dengan ketangkasan infrastruktur natif awan (*cloud native*) dan pandangan berpacuan kecerdasan buatan (AI), digabungkan dengan DNA Syariah, di samping akar umbi Malaysia dan warisan Jepun, ini adalah faktor pembezaan kami. Manakala integrasi dengan ekosistem AEON memberikan kami kelebihan daya saing sebagai satu-satunya bank di Malaysia yang mempunyai

rangkaian runcit yang tersendiri di seluruh negara. Program kesetiaan AEON Points memberikan para pelanggan manfaat tambah nilai dan ganjaran yang bermakna kerana Mata Ganjaran AEON boleh ditebus menjadi pulangan tunai yang dikreditkan terus ke dalam Akaun Simpanan-i AEON Bank mereka.

AEON Bank amat komited dalam menyediakan perkhidmatan kewangan yang mudah diakses, demi memperkasakan komuniti dalam mengejar aspirasi kewangan mereka untuk mencapai ketidakbersandaran ekonomi, serta memangkin masa depan kewangan yang lebih inklusif untuk semua. Kami akan terus berusaha menyumbang ke arah pembangunan industri perbankan Islamik di rantau ini dan pertumbuhan ekonomi digital di Malaysia.

Mengenai Zurich Malaysia

Zurich Malaysia adalah istilah rujukan kolektif bagi anak-anak syarikat Zurich Insurance Group (Zurich) yang beroperasi di Malaysia: Zurich General Insurance Malaysia Berhad, Zurich Life Insurance Malaysia Berhad, Zurich General Takaful Malaysia Berhad dan Zurich Takaful Malaysia Berhad. Zurich Malaysia menawarkan pelbagai penyelesaian insurans dan takaful yang komprehensif; membantu individu dan juga pemilik perniagaan memahami dan melindungi diri, perniagaan dan juga asset mereka daripada risiko. Zurich Malaysia mempunyai rangkaian cawangan bersepadu di bandar-bandar utama di seluruh negara dan juga agensi dan saluran pengedaran yang berdedikasi di seluruh negara untuk memenuhi keperluan pelanggan. Untuk maklumat lanjut mengenai Zurich Malaysia, layari www.zurich.com.my

Mengenai Zurich Edge

Zurich Edge is a flagship digital partnerships proposition that delivers tailored and innovative solutions for customers within a partner's ecosystem. With its open architecture full-stack platform, Zurich Edge enables seamless journeys, personalized experiences, and optimization capabilities to drive deeper engagement with digital consumers and unlock unparalleled value for partners' businesses. Leveraging Zurich's strong insurance expertise, Zurich Edge comes with a dedicated digital squad in each Asia Pacific market to co-create and launch insurance opportunities that deliver competitive advantages.